



Anwar menikmati juadah tengah hari di sebuah restoran di Sri Hartamas, semalam. Turut kelihatan Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh. (Foto BERNAMA)

'Skim turut terpakai kepada ahli politik'

Perkara akan dimuktamadkan selepas terima pandangan pelbagai pihak

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, pelaksanaan skim tidak berpencen bagi penjawat awam baharu turut terpakai kepada ahli politik di negara ini.

Beliau yang secara prinsipnya bersetuju dengan keputusan itu berkata, ini termasuk ahli politik yang dilantik sebagai menteri, menteri besar dan wakil rakyat.

Bagaimanapun katanya, perkara berkenaan akan dimuktamadkan oleh Jemaah Menteri selepas mendengar pandangan pelbagai pihak dan kajian mendalam membabitkan skim saraan penjawat awam yang meliputi pelbagai aspek Perlembagaan Persekutuan.

"Apa saja keputusan yang ditetapkan bagi penjawat awam terpakai juga bagi ahli politik. Maknanya, kalau kita mula pada 1 Februari 2024, semua kemasukan baharu itu tidak berpencen, maka itu juga sama untuk semua lantikan baharu ahli politik.

"Jadi ada orang kata mengapa tidak (termasuk sama ahli politik). Soal lain ada yang pernah jadi menteri besar, jadi menteri dan kemudian jadi timbalan perdana menteri, itu menunjukkan Perlembagaan kita boleh kaji tetapi tak boleh dibawa ke belakang secara retrospektif.



"Untuk yang baharu kita boleh kaji. Saya ingat kita tidak ada masalah kita nak tukar penyelesaian ini," pada sidang media sebelum makan tengah hari di sebuah restoran di sini, semalam.

Sebelum ini, wujud gesaan berkaitan pemansuhan pencen ahli politik susulan pengumuman Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Rabu lalu bahawa Kabinet bersetuju perjawatan bagi penjawat awam baharu kerajaan berstatus tetap selepas ini tidak berpencen.

Ahmad Zahid berkata, pengumuman mengenai tempoh dan tarikh pelaksanaan akan dibuat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA).

Pengumuman itu mencetuskan polemik apabila tidak dipersetujui kebanyakan rakyat serta kalangan pemimpin politik.

Semalam, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menggesa kerajaan mengkaji semula pemberian pencen kepada ahli politik membabitkan wakil rakyat jika negara berdepan kekangan kewangan sehingga terpaksa menyekat skim saraan perkhidmatan awam.

Presidennya, Datuk Adnan Mat berkata, kerajaan sepatutnya memikirkan untuk memansuhkan pencen kepada kumpulan 'orang politik' terlebih dahulu kerana kebanyakan mereka

berkhidmat kira-kira lima tahun berbanding penjawat awam hingga 30 tahun.

Ambil kira kedudukan ekonomi

Dalam pada itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan menjelaskan, keputusan untuk meneliti semula kaedah pelantikan membabitkan penjawat awam mengambil kira kedudukan ekonomi negara.

Menurutnya, mana-mana kerajaan akan sedar ekonomi negara tidak akan dapat bertahan sekiranya tidak melakukan sesuatu membabitkan skim persaraan.

"Ada banyak kekeliruan. Semua kerajaan daripada Perdana Menteri sebelum (ini) sampai sekarang, semua menyatakan mana-mana negara dengan kedudukan ekonomi tidak mungkin bertahan kalau tidak ada sesuatu yang dilakukan.

"Jadi, dengar dulu cadangan dikemukakan, bahas dulu, teliti, beri pandangan apa apa ubah suai yang kerajaan perlu dilakukan. Kemudian kita akan muktamadkan," katanya.

Selasa lalu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam satu surat pekeliling bertarikh 15 Jan menyatakan suatu kaedah baharu bagi lantikan tetap pegawai awam diperkenalkan ke arah mengukuhkan lagi sistem saraan perkhidmatan awam di Malaysia.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dalam surat itu memaklumkan susulan penetapan kaedah lantikan tetap baharu, Jemaah Menteri juga telah bersetuju supaya dalam tempoh peralihan (interim) sebelum penguatkuasaan kaedah berkenaan, pengambilan pegawai awam ke perjawatan tetap akan dilaksanakan secara lantikan kontrak (COS) berkuat kuasa tahun ini.